

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>7</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2015</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1436</b>

---

- TOLERANSI BERAGAMA DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN PELAGANDONG DALAM KALANGAN MUSLIM DAN KRISTIAN DI AMBON...3-16  
*Mu'alim, Jaffary Awang & Ibrahim Abu Bakar*
- MENGATASI KELEMAHAN PROFESIONALISME DALAM KERJA MELALUI PENGHAYATAN KAREKTER HAMBAM-HAMBAM AR-RAHMAN...17-32  
*Hisham Ahmad & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*
- DAKWAH DALAM DIMENSI KEROHANIAN PENJAGAAN PALIATIF MENURUT PENDEKATAN BADI' AL-ZAMAN SA'ID AL-NURSI...33-47  
*Muhammad Rif'at Razman & Salasiah Hanin Hamjah*
- APLIKASI GAYA KEPIMPINAN JURUTERA MUSLIM DI NEGERI MELAKA...48-61  
*Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Rosli Saadan, Adawiyah Ismail & Mohd Mazli Mohd Aini*
- PENYEDIAAN KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MASJID-MASJID: KAJIAN KES DI MASJID-MASJID DAERAH BATANG PADANG ...62-78  
*Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borham*
- KERESAHAN PELAJAR KETIKA MEMPELAJARI BAHASA ARAB...79-94  
*Nur Pratiwi & Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad*
- KEMAHIRAN PSIKOLOGI DAKWAH KEPADA GOLONGAN REMAJA...95-101  
*Fariza Md Sham*
- RELEVANSI APLIKASI SANAD DALAM PENGAJIAN ISLAM PADA MASA KINI...102-118  
*Sakinah Saptu, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Latifah Abd. Majid & Ahamad Asmadi Sakat*
- KESAN TERAPI RUQYAH DALAM MERAWAT PESAKIT HIV/AIDS ...119-131  
*Haslinda Lukman, Latifah Abd. Majid & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*
- HUBUNGAN PELAKSANAAN AKTIVITI DAKWAH MELALUI KESENIAN TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH...132-148  
*Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit*
- KONSEP JIHAD YUSUF AL-QARADAWI DALAM KARYA FIQH AL-JIHAD...149-171  
*Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh*
- THE RELATIONSHIP BETWEEN SPIRITUAL AND TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP TOWARD INTENTION TO STAY: A STUDY IN A POLITICAL ENVIRONMENT...172-184  
*Zaini Jamaludin & Zulkefli Aini*
- BOOK REVIEW...185-188  
*Fariza Mad Sham, Nur Damia Husna Nor Sad, Zulaikha Farhana Zainal Abidin & Amirah Mad Radzi*

*Al-Hikmah 7(1) 2015: 62-78*

## Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang

Provision of Facilities for Persons with Disabilities (PWDs) in the Mosques: A Case Study in Mosques District of Batang Padang

ABDUL MUNIR ISMAIL\*  
MAZDI MARZUKI  
MOHD NOOR DAUD  
ABDUL HADI BORHAM

### ABSTRAK

Masyarakat melakukan pergerakan setiap hari untuk ke sesuatu tempat termasuklah pergerakan ke rumah ibadat. Pergerakan ke rumah ibadat melibatkan semua golongan termasuklah orang kurang upaya (OKU). Namun begitu, golongan OKU memerlukan kemudahan yang tersendiri bagi memudahkan pergerakan mereka ke rumah ibadat. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan penyediaan kemudahan untuk OKU di masjid-masjid seluruh daerah Batang Padang. Sebanyak 39 buah masjid yang terdapat di daerah ini telah dikaji berkaitan dengan penyediaan kemudahan OKU. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk meneliti kemudahan OKU yang disediakan di masjid-masjid di Daerah Batang Padang. Penganalisan data dilakukan, mendapati penyediaan kemudahan OKU di masjid-masjid daerah Batang Padang masih berada di tahap kurang memuaskan. Hanya masjid-masjid di kawasan bandar sahaja yang menyediakan kemudahan untuk golongan OKU berbanding dengan masjid di kawasan luar bandar. Faktor yang mempengaruhi penyediaan kemudahan OKU di masjid di kawasan ini turut dikemukakan.

**Kata Kunci:** *Kemudahan, Orang Kurang Upaya (OKU), Masjid, Bandar, Luar Bandar*

### ABSTRACT

People move everyday from a place to another includes a movement to a place of worship. Attending into the place of worships involves all groups, including persons with disabilities (PWDs). People with disabilities require separate

amenities to facilitate their movement to place of worships. This paper examines a provision of facilities for the disabled persons in mosques throughout the district of Batang Padang. A total number of 39 mosques in this area have been studied in connection with the provision of disabled facilities. This study using observation and interviews to examine the disabled facilities provided at mosques in Batang Padang district. The study found that the provision of disabled facilities in the district mosques Batang Padang still be in satisfactory level. Only the mosques in the urban areas provide better facilities for people with disabilities (PWDs) compared to the mosques in rural areas. Factors contributing to the provision of disabled facilities at the mosque in this area are also studied and presented in this research.

**Keywords:** *Facilities, Disabled Facilities, Mosques, Urban, Rural*

## PENGENALAN

Masyarakat sentiasa melakukan pergerakan pada setiap hari dari satu tempat ke tempat lain termasuklah ke rumah ibadat. Pergerakan ini melibatkan semua golongan termasuklah orang kurang upaya (OKU) dan juga normal. Bagi orang normal, mereka tidak mengalami masalah dalam pergerakan berlainan pula dengan golongan OKU mereka berhadapan dengan kekangan dan juga cabaran untuk bergerak dari satu ke tempat ke tempat yang lain. Hal ini disebabkan oleh, OKU adalah individu yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental sama ada berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008). Menurut Shalini dan Wee (2013), OKU boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu orang yang tidak memiliki keupayaan mental, kestabilan emosi yang memerlukan perhatian khas, dan orang yang tiada keupayaan fizikal dan memerlukan perhatian khas merangkumi buta atau pandangan terhalang, pekak atau kesukaran mendengar dan apa-apa jua kecacatan fizikal.

OKU juga diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, pendengaran, anggota dan akal. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah ketika berinteraksi dengan orang awam, kesulitan ketika menggunakan kemudahan awam seperti di institusi masjid dan sebagainya. Golongan OKU merupakan sebahagian daripada masyarakat. Sehubungan itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Menurut Nazri et al. (2011), Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik dan kefahaman masing-masing. Seperti mana dengan pembangunan lain, tindakan untuk mendirikan rumah ibadat di tanah persendirian hendaklah melalui proses kawalan perancangan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Selain daripada pembangunan masjid, pembangunan tempat-tempat ibadat yang lain dibenarkan. Permohonan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancangan tempatan dan hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan (biasanya dikenali sebagai Laporan Cadangan Pemajuan) dan mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan dan fi (*fee*) yang ditetapkan. Dalam konteks perancangan fizikal, penyediaan tempat ibadat secara sistematik dan terancang adalah penting bukan sahaja untuk memberi keselesaan kepada penduduk beribadat tetapi juga untuk memastikan kemudahan dibangunkan berdasarkan keperluan sebenar dan mematuhi prinsip-prinsip perancangan.

Perancangan dan penyediaan kemudahan yang kondusif dan mesra pengguna merupakan satu indikator yang mampu dijadikan elemen penting kepada pembentukan persekitaran masjid yang mesra OKU. Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2014, terdapat sebanyak 494,074 orang kurang upaya di seluruh Malaysia. Etnik Melayu adalah paling ramai iaitu berjumlah 303,782 orang berbanding lain-lain kaum. Daripada jumlah tersebut negeri Perak mencatatkan sebanyak 46,602 orang. Statistik yang dinyatakan tersebut adalah OKU yang berdaftar dengan JKM. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan OKU yang berdaftar mengikut kategori ketidakupayaan, kumpulan etnik bagi negeri Perak bagi tahun 2013.

Jadual 1.1: Bilangan OKU yang Berdaftar Mengikut Kategori Ketidakupayaan, Kumpulan Etnik bagi Negeri Perak, 2013.

Kategori Ketidakupayaan	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Penglihatan	349	125	123	11	608
Pendengaran	307	142	114	3	566
Fizikal	823	396	388	58	1665
Pembelajaran	806	385	222	55	1468
Pertuturan	24	5	7	-	36
Mental	328	196	119	17	660
Pelbagai	251	112	76	9	448

*Sumber:* Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014

Institusi masjid merupakan satu aset penting dalam pengembangan syiar Islam dan bukan untuk orang normal sahaja, tetapi digunakan oleh orang kurang upaya (OKU). Institusi masjid menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengunjung seperti tandas, parking tempat wuduk dan sebagainya kepada orang awam. Mengikut Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat, panduan tersebut dapat membantu pihak pentadbiran masjid atau PBT dalam merancang dan mereka bentuk kemudahan OKU dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk golongan OKU. Reka Bentuk Sejagat mempunyai tujuh prinsip iaitu mampu guna, penggunaan fleksibel, penggunaan mudah dan intuitif, daya penyampaian maklumat mudah, kesilapan minimum, rendah keupayaan fizikal serta kesesuaian dan kecukupan saiz dan ruang.

Laporan oleh Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 dan tahun 2013, siri 3 mendapati keputusan yang mengejutkan tentang kemudahan OKU. Hasil pemeriksaan audit mendapati laluan OKU yang dibina tidak mesra pengguna kerana menyukarkan pergerakan OKU terutama yang berkerusi roda dan orang buta (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, 2012). Ramp yang dibina tidak sesuai, membahayakan pengguna OKU kerana menghadap ke longkang. Hal ini menimbulkan persoalan tahap keprihatinan masyarakat dan pihak pengurusan kepada golongan tersebut seperti tempat letak kereta, penunjuk arah, tangga, lintasan, tandas, *elevator*, eskalator dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemudahan dan kebolehgunaannya bagi golongan OKU di institusi masjid.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan pengurusan prasarana OKU di beberapa bidang terpilih seperti penyediaan prasarana di institusi kerajaan (Shalini. S & Wee. S. T. 2011), sektor pelancongan (Asiah & Nur Amirah, 2010), institusi pengajian tinggi (Hasnah et al. 2013) dan tempat awam yang terpilih (Wee et al. 2013). Menurut Wee et al. (2013), peningkatan OKU dalam kalangan penduduk telah menyebabkan kewujudan permintaan yang tinggi terhadap penyediaan prasarana khas untuk OKU supaya golongan ini boleh mengakses setiap kemudahan yang disediakan. Bagi meningkatkan kecapaian golongan OKU di bangunan-bangunan, Majlis Kebangsaan bagi OKU telah menganjurkan seminar kecapaian kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) semua negeri dan menyediakan indeks rekaan sejagat untuk para arkitek (Rohani, 2010). Hal ini bertujuan untuk menyelaraskan dan memastikan setiap bangunan yang hendak dibina perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak perancangan desa dan bandar supaya membina bangunan yang lebih mesra OKU. Dalam mencapai status negara maju pada tahun 2020, pembangunan pesat di Malaysia perlu memberi tumpuan dalam pembangunan prasarana OKU demi kesejahteraan sosial sebuah masyarakat yang penyayang (Asiah & Nur Amirah, 2010).

Undang-Undang Kecil 34A mewajibkan agar semua bangunan yang boleh dikunjungi disediakan kemudahan untuk OKU (Jabatan Pembangunan Desa dan Bandar, 2011). Setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengguna pakai Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (1984) (UKBS) dikehendaki menguatkuasakan undang-undang ini dan memastikan bahawa keperluan kemudahan bangunan untuk golongan OKU disediakan berdasarkan Piawaian Malaysia MS 1184 dan MS 1331. Penyediaan kemudahan di bangunan dan institusi awam seperti masjid dan rumah-rumah ibadat merangkumi beberapa aspek.

Garis panduan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak-pihak berkuasa agama Islam dan bukan Islam, agensi-agensi berkaitan dan pemaju di dalam merancang peletakan dan susun atur tempat ibadat yang meliputi masjid, surau dan bilik sembahyang. Jadual 1.2 menunjukkan elemen penyediaan kemudahan di bangunan dan institusi awam.

Jadual 1.2 : Elemen Penyediaan Kemudahan di Bangunan dan Institusi Awam

Aspek	Elemen
A. Ketercapaian	<i>Ramp</i>
	<i>Handrail</i>
	Laluan pejalan kaki
	Anjung masuk bangunan
	Laluan bertekstur
	Tangga/tangga automatik
B. Reruang	Lintasan pejalan kaki
	Tempat Letak kereta khas (TLKK)
	Tandas
C. Kemudahan sokongan	Bilik persalinan/penyusuan
	Papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah dan keterangan bertulis
	Papan tanda khas
	Bangku/tempat duduk
	Pondok telefon
	Peti surat/tong sampah
	Pagar
Tiang lampu isyarat melintas	

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2011

## KAWASAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilakukan di semua masjid yang berada di daerah Batang Padang (Jadual 1.3) dengan jumlah keseluruhan sebanyak 39 buah masjid kesemuanya. Daerah Batang Padang merupakan salah satu daerah yang terletak di selatan negeri Perak dan merupakan daerah kedua terbesar di negeri Perak. Daerah ini bersempadan dengan Daerah Kinta di utara, Daerah Hilir Perak di barat, Negeri Pahang (Daerah Cameron Highlands dan Daerah Raub) di timur dan Negeri Selangor (Daerah Hulu Selangor) di selatan. Daerah ini terletak pada koordinat 4°17'60.56" U dan 10°12'90.67" T. Merujuk data banci Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), jumlah penduduk di daerah ini adalah sebanyak 168,039 orang penduduk dengan keseluruhan kawasan seluas 275,265.02 hektar. Daerah ini terbentuk dengan dirangkumi oleh tujuh mukim iaitu Chenderiang, Batang Padang, Bidor, Sungkai, Slim, Hulu Bernam Barat dan Hulu Bernam Timur. Jumlah penduduk Daerah Batang Padang dijangka meningkat kepada 230,579 orang pada tahun 2020 dengan Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (KPPT) sebanyak 2.10% (Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang, 2007).

Jadual 1.3: Senarai Masjid di Daerah Batang Padang

Bil	Nama Masjid	Mukim	Lokasi
	Masjid Kampung	Mukim Slim	Luar Bandar
1.	Rasau		Bandar
2.	Masjid Saidina Umar Ibnu Khattab	Mukim Sungkai	Luar Bandar
3.	Masjid Al-Taqwa	Mukim Hulu Bernam Timur	Pinggir Bandar
4.	Masjid Kampung Rahmat	Mukim Sungkai	Luar Bandar
5.	Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Daerah)	Mukim Slim	Pinggir Bandar
6.	Masjid Jamek Kg. Poh	Mukim Bidor	Pinggir Bandar
7.	Masjid Jamek Tg. Malim	Mukim Hulu Bernam Timur	Pinggir Bandar
8.	Masjid Jamek Felda Trolak Utara	Mukim Sungkai	Luar Bandar
9.	Masjid Slim Village	Mukim Slim	Luar Bandar
10.	Masjid Jamek Tapah Road	Mukim Chenderiang	Pinggir Bandar

11.	Masjid Jamek Jalan Menderang	Mukim Sungkai	Luar Bandar
12.	Masjid Jamek Kampung Bikam	Mukim Sungkai	Luar Bandar
13.	Masjid Raja Muda Musa	Mukim Hulu Bernam Timor	Pinggir Bandar
14.	Masjid Jeram Mengkuang	Mukim Bidor	Luar Bandar
15.	Masjid Behrang Hulu	Mukim Hulu Bernam Timor	Luar Bandar
16.	Masjid Jamek Felda Sungai Klah	Mukim Sungkai	Luar Bandar
17.	Masjid Kg. Sg. Dara	Mukim Slim	Luar Bandar
18.	Masjid Jamek Temoh Stesyen	Mukim Chenderiang	Pinggir Bandar
19.	Masjid Kg. Pasir	Mukim Slim	Luar Bandar
20.	Masjid Jamek Trolak Selatan	Mukim Sungkai	Luar Bandar
21.	Masjid Kg. Kuala Slim	Mukim Slim	Luar Bandar
22.	Masjid Al-Hidayah	Mukim Chenderiang	Luar Bandar
23.	Masjid Jamek Kg. Kelawar	Mukim Hulu Bernam Timor	Luar Bandar
24.	Masjid Al Mursyiddin	Mukim Hulu Bernam Timor	Pinggir Bandar
25.	Masjid Ehsaniah	Mukim Slim	Luar Bandar
26.	Masjid Jamek Kampung Kinjang	Mukim Chenderiang	Luar Bandar
27.	Masjid Al Hidayah	Mukim Hulu Bernam Timor	Pinggir Bandar
28.	Masjid Jamek Felda Trolak Timur	Mukim Sungkai	Luar Bandar
29.	Masjid Hulu Bernam	Mukim Hulu Bernam Timor	Pinggir Bandar
30.	Masjid Ar-Rahmaniah	Mukim Batang Padang	Pinggir Bandar
31.	Tapak Lama Masjid Daerah Slim River	Mukim Slim	Pinggir Bandar



32.	Masjid Assalamuddin	Mukim Sungkai	Luar Bandar
33.	Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq	Mukim Sungkai	Luar Bandar
34.	Masjid Jamek Air Kuning	Mukim Chenderiang	Luar Bandar
35.	Masjid Al-Muhtadin Bidor	Mukim Bidor	Pinggir Bandar
36.	Masjid Attaqwa	Mukim Sungkai	Luar Bandar
37.	Masjid Saidina Othman Ibnu Affan	Mukim Sungkai	Luar Bandar
38.	Masjid Jamek Sungkai	Mukim Sungkai	Luar Bandar
39.	Masjid Al Mukmin	Mukim Batang Padang	Pinggir Bandar

---

Sumber: Kajian Lapangan, 2014

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan dua kaedah utama iaitu temu bual dan kaedah pemerhatian dan catatan. Kaedah temu bual digunakan untuk menemu bual pihak pengurusan masjid dan juga pengguna kemudahan OKU di masjid-masjid daerah Batang Padang. Temu bual yang dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat responden terhadap elemen penyediaan kemudahan OKU di kawasan kajian. Pemerhatian pula dilakukan dengan meninjau kawasan persekitaran masjid. Kaedah pemerhatian di kawasan kajian dijalankan dengan melihat kawasan persekitaran masjid serta mencatat jenis dan kemudahan OKU yang disediakan serta mengambil foto sebagai rujukan kajian. Tujuan kaedah pemerhatian dan catatan ini adalah untuk mengenal pasti elemen persekitaran dan kebolegunaan kemudahan fizikal OKU di persekitaran masjid. Analisis yang digunakan dalam kajian ini melibatkan teknik statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratus.

## HASIL KAJIAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati daerah Batang Padang mempunyai sebanyak 39 buah masjid. Jumlah ini adalah 7.09 peratus daripada jumlah keseluruhan masjid-masjid yang terdapat di Negeri Perak. Masjid-masjid ini merangkumi beberapa buah mukim Batang Padang termasuklah mukim Bidor, Chenderiang, Sungkai, Slim, Hulu Bernam Barat dan Hulu Bernam Timur. Namun tidak semua masjid di daerah ini menyediakan kemudahan OKU yang lengkap. Lokasi peletakan masjid juga turut menjadi faktor penyediaan kemudahan OKU sebagai contoh masjid yang terletak di luar bandar kurang dan hampir kebanyakannya tidak menyediakan kemudahan untuk golongan OKU disebabkan

oleh faktor permintaan yang kurang daripada pengguna mahupun penduduk kampung. Antaranya:

i. Bilangan Masjid di Batang Padang

Daerah Batang Padang mempunyai beberapa mukim termasuklah Chenderiang, Batang Padang, Bidor, Sungkai, Slim, Hulu Bernam Barat dan Timur. Jadual 1.4 menunjukkan peratusan masjid mengikut pecahan mukim. Mukim Sungkai mencatatkan peratus tertinggi bilangan masjid dengan bilangan 13 buah masjid diikuti dengan Slim dan Hulu Bernam yang masing-masing mencatatkan sebanyak 20.5 peratus. Bilangan masjid yang banyak terdapat di mukim Sungkai kerana dipengaruhi oleh petempatan penduduk Islam yang ramai yang mendiami kawasan petempatan FELDA seperti Felda Sungai Klah, Felda Trolak Timur, Felda Trolak Utara dan Felda Trolak Selatan. Kedudukan kawasan Felda yang jauh antara satu dengan yang lain memerlukan kemudahan rumah ibadat disediakan bagi keselesaan penduduk di kawasan ini.

Jadual 1.4: Pecahan Masjid Mengikut Mukim

Mukim	Masjid	Peratus %
Chenderiang	• Masjid Jamek Tapah Road	12.82
	• Masjid Jamek Temoh Stesyen	
	• Masjid Al-Hidayah	
	• Masjid Jamek Kampung Kinjang	
	• Masjid Jamek Air Kuning	
Batang Padang	• Masjid Al Mukmin	5.13
	• Masjid Ar-Rahmaniah	
Bidor	• Masjid Al-Muhtadin Bidor	7.70
	• Masjid Jeram Mengkuang	
Sungkai	• Masjid Jamek Kg. Poh	33.33
	• Masjid Saidina Umar Ibnu Khattab	
	• Masjid Jamek Felda Sungai Klah	
	• Masjid Assalamuddin	
	• Masjid Saidina Othman Ibnu Affan	
	• Masjid Jamek Sungkai	
	• Masjid Attaqwa	


	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masjid Saidina Abu Bakar Assidiq</li> <li>• Masjid Jamek Felda Trolak Timur</li> <li>• Masjid Jamek Felda Trolak Selatan</li> <li>• Masjid Jamek Felda Trolak Utara</li> <li>• Masjid Kampung Rahmat</li> <li>• Masjid Jamek Kampung Bikam</li> <li>• Masjid Jamek Jalan Menderang</li> </ul>	
Slim	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masjid Kampung Rasau</li> <li>• Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Daerah)</li> <li>• Masjid Slim Village</li> <li>• Masjid Kg Sg. Dara</li> <li>• Masjid Kg. Pasir</li> <li>• Masjid Kg. Kuala Slim</li> <li>• Masjid Ehsaniah</li> <li>• Tapak Lama Masjid Daerah Slim River</li> </ul>	20.51
Hulu Bernam Timur dan Barat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masjid Jamek Tg. Malim</li> <li>• Masjid Behrang Hulu</li> <li>• Masjid Hulu Bernam</li> <li>• Masjid Al-Taqwa</li> <li>• Masjid Al Hidayah</li> <li>• Masjid Jamek Kg. Kelawar</li> <li>• Masjid Al Mursyidin</li> <li>• Masjid Raja Muda Musa</li> </ul>	20.51
Jumlah	39 Buah Masjid	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2014

ii. Masjid-Masjid yang Menyediakan Kemudahan OKU di Batang Padang


Setiap kemudahan yang disediakan perlu mengambil kira bukan sahaja orang normal tetapi juga golongan OKU. Kemudahan untuk golongan OKU telah termaktub dalam undang-undang kecil bangunan seragam (1984). Hasil kajian

mendapati, jumlah masjid yang menyediakan kemudahan OKU tidak mencecah 40 peratus daripada keseluruhan jumlah masjid di daerah Batang Padang. Sebanyak 35.9 peratus masjid yang menyediakan kemudahan OKU secara keseluruhan di daerah ini. Daripada jumlah tersebut hanya 14 buah masjid sahaja yang didapati mempunyai kemudahan seperti yang telah digariskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah (Rajah 1.1). Hanya terdapat tiga buah masjid sahaja yang mempunyai kemudahan OKU yang hampir lengkap. Masjid yang mempunyai kemudahan OKU yang lengkap ialah Masjid al Hidayah di Bandar Behrang 2020, Masjid Al Mursyidin di Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Masjid Daerah Slim River. Ketiga-tiga masjid ini terletak di kawasan pinggir bandar merupakan faktor utama yang menyebabkan pihak pengurusan masjid telah merangka dan menyediakan kemudahan OKU bagi memudahkan urusan pengguna mendapatkan khidmat yang terbaik daripada penggunaan kemudahan. Jadual 1.5 memaparkan nama dan jumlah masjid yang telah menyediakan kemudahan OKU di Batang Padang. Masjid-masjid ini telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu masjid luar bandar dan juga masjid pinggir bandar.



Rajah 1.1: Jumlah Masjid yang Menyediakan Perkhidmatan OKU di Batang Padang

Daripada jumlah keseluruhan masjid di daerah ini, hanya 14 buah masjid sahaja yang menyediakan kemudahan bagi golongan OKU. Masjid-masjid ini terletak di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Berdasarkan statistik menunjukkan masjid yang berada di pinggir bandar lebih banyak menyediakan kemudahan untuk golongan OKU berbanding masjid di kawasan luar bandar (Rajah 1.2). Perbandingan peratus menunjukkan perbezaan peratusan antara masjid di kawasan bandar dengan luar bandar yang menyediakan kemudahan untuk golongan OKU menghampiri 15 peratus.



Rajah 1.2: Peratus Kategori Masjid di Daerah Batang Padang

Hasil daripada kajian yang dijalankan, hanya 14 buah masjid sahaja yang telah disenaraikan mempunyai kelengkapan OKU yang hampir lengkap di daerah Batang Padang. Jadual 1.5 di bawah menunjukkan senarai masjid yang menyediakan kemudahan ini.

Jadual 1.5: Senarai Masjid yang Menyediakan Kemudahan OKU di daerah Batang Padang

Bil	Nama Masjid	Mukim	Kategori Masjid
1.	Masjid Kampung Rasau	Mukim Slim	Luar bandar
2.	Masjid Saidina Umar Ibnu Khattab	Mukim Sungkai	Luar Bandar
3.	Masjid Al-Taqwa Proton City	Mukim Batang Padang	Pinggir bandar
4.	Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Daerah)	Mukim Slim	Pinggir bandar
5.	Masjid Jamek Tg. Malim	Mukim Hulu Bernam Timur	Pinggir bandar
6.	Masjid Slim Village	Mukim Slim	Luar Bandar
7.	Masjid Jamek Tapah Road	Mukim Chenderiang	Pinggir bandar
8.	Masjid Behrang Hulu	Mukim Hulu Bernam Timur	Pinggir bandar
9.	Masjid Jamek Felda Sungai Klah	Mukim Sungkai	Luar bandar
10.	Masjid Al Mursyiddin	Mukim Batang Padang	Pinggir bandar

<b>11.</b>	Masjid Al Hidayah	Mukim Hulu Bernam Timur	Pinggir bandar
<b>12.</b>	Masjid Assalamuddin	Mukim Sungkai	Luar bandar
<b>13.</b>	Masjid Saidina Othman Ibnu Affan	Mukim Sungkai	Luar bandar
<b>14.</b>	Masjid Al Mukmin	Mukim Batang Padang	Pinggir bandar

Sumber: Kajian Lapangan 2014

iii. Kemudahan OKU di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang

Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah kemudahan OKU yang perlu disediakan di mana-mana bangunan perlu mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan. Setiap bangunan yang dibina termasuk masjid perlu menyediakan kemudahan untuk golongan OKU seperti laluan OKU, tempat letak kereta OKU, tangga yang mempunyai handrail dan sebagainya. Jadual 1.6 di bawah pula menunjukkan jenis dan kemudahan OKU yang terdapat di masjid-masjid daerah Batang Padang. Berdasarkan daripada jadual 1.5, jelas menunjukkan perbandingan antara masjid-masjid terpilih yang menyediakan kemudahan bagi golongan OKU. Terdapat beberapa jenis kemudahan yang telah disenaraikan mengikut garis panduan Jabatan Pengurusan Bandar dan Wilayah seperti yang telah ditetapkan. Hasil daripada dapatan kajian, M10 yang diwakili oleh Masjid Al Mursyidin Kampus Sultan Azlan Shah merupakan masjid yang menyediakan hampir keseluruhan daripada jenis kemudahan yang telah disenaraikan iaitu sebanyak 91.6 peratus penyediaan kemudahan OKU.


Seterusnya diikuti oleh Masjid Al Hidayah Bandar Baru Behrang 2020 dengan peratusan sebanyak 75 peratus penyediaan kemudahan OKU. Seterusnya bagi M1, M2, M5, M6 dan M12 masing-masing mencatatkan sebanyak 16.6 peratus sahaja penyediaan di sekitar kawasan masjid-masjid tersebut dan jenis kemudahan yang kebiasaannya disediakan oleh pihak pengurusan masjid ialah ruangan solat khas dan juga kerusi khas untuk golongan OKU fizikal yang kebiasaannya disediakan di belakang ruangan solat.

Daripada 12 jenis kemudahan OKU, dua jenis kemudahan OKU sahaja yang mencatatkan jumlah tertinggi dan hampir kesemua masjid mempunyai kemudahan ini iaitu tempat dan ruangan solat khas serta kerusi khas bagi golongan OKU dengan peratusan sebanyak 35.9 peratus. Penyediaan dua kemudahan ini merupakan salah satu kemudahan asas yang perlu disediakan oleh pihak masjid. Kebiasaannya setiap masjid akan menyediakan beberapa kerusi khas untuk golongan kurang upaya yang diletakkan di bahagian belakang dan tepi ruang solat. Kerusi-kerusi ini akan memudahkan golongan kurang upaya untuk menunaikan solat dalam keadaan duduk. Kerusi yang disediakan sama ada mudah dilipat dan juga kerusi plastik bagi memudahkan ia dicapai dan dialihkan pada bila-bila masa.

Seterusnya, lintasan OKU merupakan kemudahan yang tidak disediakan oleh semua masjid di daerah Batang Padang. Hal ini disebabkan oleh faktor kurang berkepentingan seperti yang dimaklumkan oleh beberapa jawatankuasa masjid yang ditemu bual. Jumlah penduduk dan pengunjung yang berstatus OKU tidak ramai menyebabkan mereka tidak memperuntukkan perbelanjaan ke atas pembinaan dan pembangunan bagi laluan OKU ini. Selain itu, kemudahan seperti tangga khas yang tidak mempunyai railing dan juga laluan khas ramp untuk kerusi roda masing-masing mencatatkan 15.38 peratus daripada jumlah kemudahan keseluruhan yang disediakan oleh pihak pengurusan masjid. Kemudahan ini merupakan kemudahan OKU kedua tertinggi yang disediakan oleh kebanyakan masjid di daerah Batang Padang. Tangga yang tidak mempunyai railing dan laluan khas ramp juga disediakan bagi memudahkan pengunjung yang menggunakan kerusi roda untuk bergerak daripada satu kawasan ke kawasan masjid yang lain.

Bahagian mengambil wuduk bagi pengguna lelaki dan wanita turut disediakan bangku khas bagi memudahkan mereka untuk mengambil wuduk. Sebanyak 10.26 peratus daripada jenis kemudahan yang terdapat di masjid, kemudahan wuduk khas ini telah disediakan di kebanyakan masjid-masjid di daerah Batang Padang. Tempat letak kereta khas dan juga papan tanda untuk OKU masing-masing mencatatkan sebanyak 7.69 peratus dan 5.13 peratus bagi penyediaan kemudahan OKU ini. Tempat letak kereta khas yang disediakan mempunyai kelebaran yang berbeza daripada tempat letak kereta biasa. Saiznya yang lebih besar akan memudahkan pengguna yang berkerusi roda mahupun tongkat untuk bergerak dari kawasan letak kenderaan ke dalam perkarangan masjid. Penunjuk arah kemudahan bagi golongan OKU dan juga laluan bertanda untuk golongan cacat penglihatan masing-masing mencatatkan sebanyak 2.56 peratus di mana merupakan kemudahan yang paling sedikit disediakan oleh masjid-masjid di daerah Batang Padang (Jadual 1.6).

Hasil kajian mendapati bahawa kemudahan-kemudahan untuk OKU tidak mencapai 50 peratus penyediaan oleh pihak pengurusan masjid. Bagi kemudahan ruangan solat khas OKU dan juga kerusi khas mencatatkan penyediaan tertinggi iaitu sebanyak 35.9 peratus manakala bagi kemudahan tempat letak kereta, penanda parking OKU, penunjuk arah prasarana, laluan bertanda, tandas mesra OKU dan juga tempat wuduk OKU masing-masing mencatatkan lingkungan 10 peratus dan ke bawah. Hal ini boleh dilihat dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3: Jumlah prasarana OKU yang terdapat di Masjid daerah Batang Padang

## RUMUSAN

Kesimpulannya golongan OKU masih mengalami kesukaran untuk mengakses jenis-jenis kemudahan OKU yang terdapat di masjid-masjid bagi melakukan ibadah kerana tidak semua masjid menyediakan kemudahan yang lengkap bagi golongan ini. Oleh yang demikian, perkhidmatan dari segi kemudahan yang sesuai sangat diperlukan oleh golongan yang kurang bernasib baik ini. Namun begitu, analisis kajian mendapati terdapat dua buah masjid yang dilengkapi dengan kemudahan OKU iaitu Masjid Sultan Azlan Shah, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI dan Masjid al Hidayah Behrang 2020 dan boleh dikategorikan sebagai masjid Mesra OKU. Masjid Sultan Azlan Shah dan Masjid al Hidayah mempunyai reka bentuk yang menarik serta dilengkapi kemudahan yang bersesuaian dengan persekitaran masyarakat setempat. Manakala masjid-masjid lain di daerah Batang Padang tidak menyediakan kemudahan yang boleh diakses oleh OKU. Jumlah OKU yang menetap di sekitar masjid juga menjadi faktor dalam penyediaan kemudahan OKU di masjid. Selain itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penyediaan kemudahan OKU di masjid daerah Batang Padang. Antaranya peruntukan kewangan dalam sesebuah pengurusan masjid itu sendiri. Peruntukan kewangan masjid di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Agama Islam negeri. Agihan kewangan diberikan mengikut perbelanjaan masjid yang berbeza. Pihak berkuasa perlu berperanan supaya semua kemudahan awam mesra OKU diberi keutamaan. Kemudahan OKU di masjid perlu diwujudkan kerana mereka turut berhak mendapatkan kemudahan yang selesa dan dapat menggunakan masjid sebagai tempat beribadah selain melakukan aktiviti sosial



seperti bermuzakarah, menimba ilmu dan sebagainya. Justeru, pihak bertanggungjawab perlu mengambil tindakan sewajarnya supaya masjid di daerah Batang Padang secara keseluruhannya mempunyai kemudahan yang mesra OKU. Pihak yang bertanggungjawab perlu menggalakkan masyarakat untuk memberi perhatian yang khusus terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini agar mereka juga mendapat keistimewaan di sisi masyarakat.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana membiayai kajian di bawah Geran Penyelidikan bertajuk "*Penyediaan dan Kebolehgunaan Prasarana Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang* kod penyelidikan 2014-0056-106-01".

## RUJUKAN

- Asiah, A. R. & Nur Amirah, A. S. 2010. Accessible Built Environment for The Eldery and Disabled in Malaysia: Hotels as Case Studies. *Journal of Construction in Developing Countries*. Vol. 15(2). Pp. 1-21.
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri. 2012. *Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 2012*. Putrajaya: Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan Halangan yang Dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Jurnal AJTHLE*, 1(2).pp.18-29.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2008. Bantulah dan Hormatilah OKU. Dicapai pada 28 November, 2014 daripada <http://realitioku.com/2008/01/bantulah-hormatilah-oku.html>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2014. Pendaftaran Orang Kurang Upaya Mengikut Negeri 2013. Dicapai pada 30 November 2014 daripada [http://www.jkm.gov.my/file/file/Statistic\\_2013/BHG\\_B\\_10-OKU.pdf](http://www.jkm.gov.my/file/file/Statistic_2013/BHG_B_10-OKU.pdf).
- Jabatan Pembangunan Desa dan Bandar. 2011. *Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau*. Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Perancangan Desa dan Bandar. 2004. *Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor*.
- Nazri, M., Nik Yusri, M. dan Ahmad Hidayat, B. 2011. Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam. Universiti Sains Malaysia. *Kajian Malaysia*, Vol. 29, No. 1, 2011, 1-28
- Ringkasan Eksekutif Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2020*. 2007. Dicapai pada 30 November 2014 daripada

- [http://www.townplan.gov.my/download/RTD%20Batang%20Padang/Laporan\\_Ringkasan\\_RTDBatangPadang.pdf](http://www.townplan.gov.my/download/RTD%20Batang%20Padang/Laporan_Ringkasan_RTDBatangPadang.pdf).
- Rohani, I. 2010. *Mengiktiraf Peranan OKU. Utusan Malaysia*. Dicapai pada 20 Disember 2014 daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1211&sec=Rencana&pg=re\\_02](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1211&sec=Rencana&pg=re_02). Htm
- Shalini, S & Wee. S. T. 2011. *Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Utaberta, N. dan Othman, H. dan Surat, M. 2010. Dokumentasi, Analisis dan Penggunaan Hadis: Satu Penilaian ke Atas Reka Bentuk Masjid Moden di Malaysia. *Journal of Building Performance*. Vol 1. ISSN:2180-2106.
- Wee. S. T., Shalini, S, Mohd Nur Syufaat Jamiran, Zainal Zuhilmi Zainal Abidin & Siti Aminah Mohd Sam. 2014. *Kajian Awal Terhadap Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) Di Taman Negara Negeri Johor: Kajian Kes Di Pulau Kukup Tanjung Piai, Gunung Ledang Dan Endau-Rompin*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

\*Abdul Munir Ismail  
Jabatan Pengajian Islam,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
E-mel: [sungaiserailangat@gmail.com](mailto:sungaiserailangat@gmail.com)